

SOALAN-SOALAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS, PERAK DARUL RIDZUAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

PADA 22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)

1. **YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

Perdana Menteri ke-10 Dato Seri Anwar Ibrahim bertekad untuk meringankan beban rakyat sebagai tugas utama. Mohon penjelasan:

- a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan tekanan dihadapi rakyat yang bermula dengan pandemic COVID-19 dan mencapai kemuncaknya kini apabila harga barangan melonjak naik?

2. **YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

Kawasan DUN Tronoh mempunyai beberapa Kampung Baru Cina yang diuruskan oleh MPKK masing-masing dan tidak termasuk dalam pengurusan ataupun pengawalan MDBG misalnya Kampung Bemban, Kampung Bali dan Kampung Nalla. Sejak kebelakangan ini, kampung-kampung berkenaan menghadapi kekangan pembayaran bil utiliti serta kos-kos penyelenggaraan sampah, longkang, rumput dan jalan.

- a) Sebelum ini, kerajaan negeri akan memberi peruntukan tambahan sebanyak 30% daripada hasil pungutan MPKK daripada penduduk kepada setiap kampung, adakah kerajaan akan mengembalikan sistem tersebut dalam masa yang terdekat?
- b) Sekiranya ya, sila nyatakan tempoh permulaan dan tatacara permohonan peruntukan tambahan tersebut. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya

3. **YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

Apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kecil dan penjaja yang terkesan akibat bencana Covid19.

4. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Seperti sedia maklum, Status Tanjong Malim sebagai Bandar Mesra Belia turut dilengkapi dengan Penyediaan Perumahan Transit Belia sebagai salah satu daripada komponen-komponen Pembangunan Bandar Belia Tanjong Malim.

Adakah pelaksanaan dan projek-projek Pembangunan Komponen Bandar Belia di Tanjong Malim berpotensi untuk diusahakan kembali termasuk Pembangunan Perumahan Transit Belia dan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam usaha menggiatkan kembali pelaksanaan projek-projek tersebut

5. YB DATO' ZAINOL FADHI BIN PAHARUDDIN (SUNGAI MANIK)

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebih banyak Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi membantu rakyat mendapatkan tempat kediaman yang selesa dan murah.

6. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

Sila nyatakan inisiatif pelaburan asing dan pecahan jumlah pelaburan asing yang kerajaan negeri terima dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut sektor di kawasan Dun Malim Nawar.

7. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Masalah kekurangan Ubat dan Vaksin HPV.

- I. Sila jelaskan apakah sebab utama tiada suntikan HPV untuk mencegah kanser serviks untuk banyak pelajar perempuan tidak dapat diberi?
- II. Sila jelaskan apakah sebab utama banyak farmasi di klinik kesihatan ataupun hospital kerajaan mengalami kekurangan atau tiada bekalan ubat tertentu?
 - III. Merujuk kepada soalan bahagian i dan ii, apakah langkah penyelesaian akan diambil, agar kesihatan orang awam akan terjamin?

8. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Minta Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan jumlah aduan yang telah diterima daripada portal aduan rasmi Majlis Bandaraya Ipoh berkenaan aduan infrastruktur di Buntong pada tahun 2022 dan peratusan aduan yang telah diselesaikan sepenuhnya serta pecahan jenis aduan yang telah diterima.

9. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Kampung Sungai Relong dan Kampung Sungai Ranting di Kamunting tidak mempunyai sistem perparitan yang sempurna untuk mengalirkan air yang menyebabkan banjir kilat sekiranya hujan lebat.

- a) Apakah Perancangan kerajaan untuk memastikan sistem perparitan ini sempurna?

10. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (*GUNONG SEMANGGOL*)

MOHON YAB MENTERI BESAR PERAK MENJAWAB :

Usaha kearah peningkatan kadar SSR Pertanian dan Penternakan.

- a) Apakah usaha dan pelan tindakan quick win dan jangka masa panjang kerajaan negeri bagi memastikan agenda sekuriti makanan di negeri Perak terus diperkasa?
- b) Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memenuhi kadar sara diri (SSR) negeri Perak khususnya bagi sektor makanan utama dan komoditi padi dan ternakan ruminan dalam usaha bagi menyumbang SSR Negeri Perak dan seterusnya menyumbang kepada SSR negara?

11. YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN (*CANNING*)

Kolam Tadahan bagi mengatasi masalah banjir kilat

- a) Berapakah peruntukan keseluruhan untuk menyelenggara kolam dan mohon dinyatakan lokasi-lokasi kolam yang telah diselenggara?
- b) Apakah status kolam akan dibina di Ipoh untuk mengurangkan risiko banjir kilat di Taman Cempaka?
- c) Berapakah kos pembinaan dan bilakah akan siap?

12. YB PUAN WONG CHAI YI (*SIMPANG PULAI*)

Apakah perancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di persimpangan Jalan Sultan Nazrin Shah ke Jalan Raja Musa Mahadi, persimpangan Jalan Sultan Nazrin Shah ke Persiaran Lapangan Siber 1, dan persimpangan tol keluar Simpang Pulai ke Jalan Sultan Nazrin Shah.

13. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (*PENGGALAN BAHARU*)

Bruas letaknya didalam Daerah Manjung,ingin saya mengetahui berapa kah peruntukan yang melibatkan sektor pelancungan di salurkan ke Parlimen Bruas terutama didalan DUN Pengkalan Baharu sebelum ini: Cadangan saya agar kerajaan pada tahun 2023 memperuntukkan juga perbelanjaan untuk sektor pelancungan ini ke Parlimen Bruas khasnya di DUN Pengkalan Baharu,kerana saya berhasrat ingin memajukan Air Terjun Ulu Licin di Pekan Bruas dan Kota Kulit Kerang di Pengkalan Baharu sebagai salah satu tempat pelancungan

14. YB DATO' SHAHRUL BIN YAHYA (*RUNGKUP*)

Fenomena banjir 'air termenung (air tidak boleh keluar ke sungai & laut) seringkali berlaku di dun rungkup. Apakah perancangan kerajaan negeri & kerajaan persekutuan utk menyelesaikan permasalahan tersebut.

15. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

MENINGKATKAN HASIL PENGELUARAN TANAMAN PADI DAERAH KERIAN

- a) Senaraikan langkah-langkah kerajaan negeri Perak untuk membantu memastikan hasil pengeluaran tanaman padi di daerah Kerian dapat ditingkatkan dengan lebih tinggi.
- b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air untuk kegunaan pesawah terutama semasa musim kemarau dan paras air yang sangat kurang di kolam Bukit Merah?
- c) Adakah ada perancangan untuk menambahbaik sistem saliran sawah di daerah Kerian amnya dan di DUN Selinsing khususnya.

16. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Apakah perancangan seterusnya untuk menyempurnakan infrastruktur di Kg Expo. Kamunting?

17. YB KAPT (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Batu Kurau ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar Perak, kenapa perlantikan Jawatankuasa baru masjid tertunda begitu lama.

18. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Saya mohon penjelasan pihak Kerajaan Negeri berkaitan projek naik taraf dan baik pulih paip air bermula laluan utama Pekan Padang Rengas sehingga Petronas Padang Rengas, yang menyebabkan laluan utama tersebut jadi rosak, serta mengakibatkan banyak kemalangan. Mohon Pihak Kerajaan Negeri menyatakan siapakah pihak yang bertanggungjawab atas projek tersebut? Dan saya mohon Pihak Kerajaan Negeri Perak mengambil tindakan segera, khususnya menurap semula jalan tersebut dengan segera.

19. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

- a) Berapakah peruntukan yang digunakan setakat ini oleh setiap ADN dalam program bakul makanan?
- b) Senaraikan syarikat yang berkaitan kerajaan (GLC) yang terlibat dalam program bakul makanan setakat ini?
- c) Sila nyatakan kaedah pengagihan bersistem untuk tujuan tersebut?